

RABU • 07.03.2018

ekonomi@utusan.com.my

UTUSANBIZ

Unit Berita Ekonomi

44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
E-mel: ekonomi@utusan.com.my
Twitter: @utusanbiz
Laman web: www.utusan.com.my



Bagi membiayai 375,000 permohonan penginapan oleh institusi perbankan pada tahun lalu

Perumahan: RM161b dilulus

Oleh MUHD. SHAHIZAM TAZALI
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 6 MAC

INSTITUSI perbankan telah meluluskan lebih daripada 375,000 permohonan pembiayaan rumah dengan nilai pinjaman berjumlah RM161 bilion pada tahun lalu.

Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia (ABM) berkata, jumlah itu mencerminkan komitmen dan sokongan bank dalam menyediakan pinjaman perumahan kepada yang layak termasuk bagi pembelian rumah pertama dan segmen mampu milik.

Jelas persatuan itu, sebanyak 71 peratus pinjaman yang diluluskan adalah untuk pembelian rumah pertama dan kadar kelulusan permohonan pembiayaan untuk membeli rumah adalah 73 peratus pada 2017.

"Ahli-ahli kami akan terus

menyediakan kemudahan pembiayaan kepada pemohon yang layak dan berpegang teguh kepada garis panduan bagi mengurangkan risiko kewangan antara pihak bank dan peminjam.

"Langkah ini juga memastikan para peminjam tidak terbebani dengan tanggungan kewangan mereka," katanya dalam kenyataan sini hari ini.

T a m b a h ABM, pembeli rumah dinasihatkan m e n y e m a k kelayakan pinjaman, menilai kemampuan dan memilih hartanah yang bersesuaian dengan kewangan semasa mereka.

Menurutnya, mereka digalakkan untuk mencari pelbagai skim di bawah inisiatif kerajaan seperti Skim Rumah Pertamaku (SRP), Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dan Perumahan

Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

Katanya lagi, pihak bank juga memperkenalkan pelbagai produk kewangan yang fleksibel untuk skim-skim berkenaan serta disesuaikan mengikut tahap pendapatan pemohon.

"Banyak sebab yang menyebabkan pinjaman seseorang itu ditolak antaranya komitmen kewangan yang banyak, sejarah kredit yang teruk, dokumen tidak lengkap dan pendapatan dengan jumlah

tidak setimpal yang dipohon.

"Apa yang penting adalah perbincangan dan kerjasama antara pembeli dengan pihak bank bagi mencari pakej pinjaman yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan serta kemampuan mereka," jelas persatuan itu.



PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA



PEMBELI digalakkan untuk mencari pelbagai skim di bawah inisiatif kerajaan seperti Skim Rumah Pertamaku (SRP), Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). - GAMBAR HIASAN

KUALA LUMPUR
(Indeks Komposit)
(+5.75) mata
1,848.37

SINGAPURA
(Straits Times)
(+53.31) mata
3,491.92

TOKYO
Nikkei
(+375.67) mata
21,417.76

NEW YORK
Dow Jones
(+336.70) mata
24,847.76

TUKARAN MATA
WANG ASING
06.03.2018

USA DOLAR
3.9020/9050

UK POUND
5.3941/3994

EURO
4.8139/8192

SAUDI RIYAL (100)
104.0395/1250

JAPAN YEN
3.6794/6829

INDONESIA DOLAR
2.9565/9592

INDONESIA RUPIAH (100)
0.0283/0284